48

**MALAYSIA INSTITUTE OF INFORMATION TECHNOLOGY**

# FINAL EXAMINATION
## JANUARY 2016 SEMESTER

| | | |
|---|---|---|
| **SUBJECT CODE** | : | **MPW 2133** |
| **SUBJECT TITLE** | : | **PENGAJIAN MALAYSIA** |
| **LEVEL** | : | **BACHELOR** |
| **TIME / DURATION** | : | **( 2 ½ HOURS ) 2.00 pm – 4.30 pm** |
| **DATE** | : | **25 MAY 2016** |

UniKL MIIT

## INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. **Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.**
2. **This question paper is printed on both sides of the paper.**
3. **This question paper consists of TWO (2) SECTIONS. Answer ALL QUESTIONS IN SECTION A AND CHOOSE ONLY TWO (2) QUESTION IN SECTION B.**
4. **Please write all your answers in the answer booklet provided.**

**THERE ARE 6 PAGES OF ANSWER SCHEME EXCLUDING THIS PAGE.**

**BAHAGIAN A (20 Markah)**

**ARAHAN : Jawab SEMUA soalan. Gunakan kertas OMR yang disediakan.**

UniKL MIIT

1. Siapakah yang mengetuai Suruhanjaya Reid pada 1956.
   A. Lord William Reid
   B. Sir Ivor Jennings
   C. Sir William Mc Kell
   D. Sir Harold Mc Micheal

2. Rukun Negara Malaysia ialah Keluhuran Perlembagaan. Apakah yang dimaksudkan dengan Keluhuran Perlembagaan?
   A. Keagungan dan ketertinggian undang-undang
   B. Kesahihan bagi menjamin ketertinggian Perlembagaan Malaysia
   C. Memperoleh kuasa dari Perlembagaan
   D. Mengekalkan pemerintahan yang harmoni

3. Siapakah yang bertanggungjawab menjaga hak istimewa orang Melayu di Persekutuan Malaysia?
   A. Yang di-Pertuan Agong
   B. Sultan atau Yang DiPertua Negeri
   C. Perdana Menteri
   D. Ketua Setiausaha Negara

4. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan merujuk ...
   A. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara
   B. Kepentingan Bahasa Melayu
   C. Bahasa Melayu untuk orang Melayu
   D. Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan standard bahasa Melayu.

5. Pindaan yang besar pernah dibuat terhadap Perlembagaan Malaysia tentang sistem pemerintahannya. Apakah pindaan tersebut?
   A. Pemansuhan Akta Hasutan 1970
   B. Pemansuhan kekebalan raja

C. Pemansuhan soal kerakyatan

D. Pemansuhan hak istimew orang Melayu.

6. X mengetuai dalam bidang Judisiari. X merujuk kepada

A. Perdana Menteri

B. Pegawai kanan ATM

C. Yang di-Pertuan Agong

D. Ketua Hakim Negara

7. Yang manakah BENAR tentang tujuan penubuhan Majlis Raja-Raja?

A. Membincangkan masalah pembangunan sosio-ekonomi dan Islam

B. Membincangkan hal-ehwal dan kepentingan bersama dengan penjajah Inggeris

C. Menentukan pelaksanaan dasar secara cekap dan berkesan oleh kementerian

D. Membantu dan mengkaji masalah yang wujud semasa melaksanakan sesuatu tugas.

8. Antara berikut, yang manakah TIDAK terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri?

A. Jabatan Perangkaan

B. Lembaga Penapisan Filem

C. Jabatan Imegresen Malaysia

D. Jabatan Pendaftaran Malaysia

9. Apakah faktor yang telah menyebabkan wujudnya masyarakat pelbagai kaum di negara ini?

A. Imperialisme

B. Kolonialisme

C. Kapitalisme

D. Federalisme

10. Orang Melayu mendapat hak istimewa dalam perkara-perkara berikut.

I. Perkhidmatan Awam

II. Ekonomi

III. Pendidikan

IV. Kemasukan ke kolej swasta

A. I dan II

UniKL MIIT

B. II dan III

C. I,II dan III

D. I, II, III dan IV

11. Mahkamah tertinggi dalam kalangan Mahkamah Rendah ialah

A. Mahkamah Tentera

B. Mahkamah Seksyen

C. Mahkamah Bumiputera

D. Mahkamah Syariah

12. Antara organisasi berikut,yang manakah merupakan organisasi tertinggi dalam pembentukan dasar negara.

A. Yang Dipertuan Agong

B. Kabinet

C. Perdana Menteri

D. Majlis Tertinggi

13. Ketua negeri bagi negeri-negeri seperti Melaka,Pulau Pinang,Sabah dan Sarawak dikenali sebagai

A. Ketua Menteri

B. Yang Dipertuan Agong

C. Yang-Dipertua Negeri

D. Raja

14. Kuasa tertinggi bagi ketiga-tiga badan pentadbiran di Malaysia ialah

A. Yang di Pertuan Agong

B. Ketua Menteri

C. Perdana Menteri

D. Sultan

15. Selain menjalankan tugas sebagai badan pemerintah, kabinet juga berfungsi sebagai badan

A. menentukan keabsahan sesuatu rang undang-undang

B. membentuk dan melaksanakan dasar tertinggi negara.

C. Perlantikan Majlis Raja-Raja

D. Mengisytiharkan darurat

UniKL MIIT

16. Kerajaan Persekutuan Malaysia mengamalkan sistem
    A. Autokratik demokrasi
    B. Demokrasi bermonarki
    C. Demokrasi berparlimen
    D. Demokrasi berperlembagaan

17. Antara penyataan berikut,yang manakah tidak menjelaskan fungsi Yang Di Pertuan Agong?
    A. Memanggil,menangguh dan membubarkan Parlimen
    B. Memperkenankan rang undang-undang
    C. Membubarkan Parlimen
    D. Memecat Perdana Menteri

18. Pilih kenyataan yang salah
    A. Dewan Rakyat merupakan dewan yang penting dalam menggubal rang undang-undang
    B. Dewan Negara bertindak untuk membahas dan meluluskan rang undang-undang
    C. Yang Di Pertuan Agong bertindak memperkenankan rang undang-undang yang dikemukakan oleh Parlimen
    D. Undang-undang akan terbatal jika Yang DiPertuan Agong tidak bersetuju.

UniKL MIIT

19. Antara berikut, yang manakah benar mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya?
    I. Suruhanjaya Pilihan Raya adalah bebas daripada kawalan kerajaan.
    II. Suruhanjaya Pilihan Raya diketuai oleh seorang pengerusi dan empat orang ahli, dan mereka dilantik oleh Yang DiPertuan Agong.
    III. Pentadbiran Suruhanjaya Pilihan Raya diketuai oleh yang Dipertuan Agong
    IV. Dalam menguruskan pilihan raya, suruhan jaya ini dibantu oleh pegawai pentadbiran Persekutuan negeri.

    A. I dan II
    B. I,II dan III
    C. I,II dan IV
    D. Semua di atas

20. Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan sehingga 1990 dalam

A. Rancangan Malaya Pertama
B. Rancangan Malaya Kedua
C. Rancangan Malaysia Pertama
D. Rancangan Malaysia Kedua

21. Majlis Amanah Rakyat (MARA) ditubuhkan semasa
A. Rancangan Malaya Pertama
B. Rancangan Malaya Kedua
C. Rancangan Malaysia Pertama
D. Rancangan Malaysia Kedua

22. Siapakah Perdana Menteri Malaysia yang pernah dilantik menjadi setiausaha Agung OIC?
A. Tun Hussein Onn
B. Tunku Abdul Rahman
C. Tun Dr. Mahathir Mohamad
D. Tun Abdullah Badawi

23. Antara berikut, yang manakah BUKAN objektif dasar luar negara?
A. Menjaga dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keselamatan negara
B. Mempertahankan prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan wilayah lain
C. Mempertahankan, menjaga dan memajukan kepentingan negara di arena antarabangsa
D. Mengamalkan sikap campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain

UniKL MIIT

24. Faktor-faktor berikut mempengaruhi perpaduan dan integrasi nasional, KECUALI
A. Perkongsian kuasa Politik di Malaysia
B. Pertumbuhan ekonomi yang baik
C. Pemisahan antara individu dan masyarakat
D. Kerajaan demokrasi dan aman

25. Rukun Negara dihasilkan daripada Majlis Perundingan selepas peristiwa 13 Mei 1969. Usaha ini digubal semasa negara diperintah oleh

A. MAGERAN

B. MAMPAN

C. MAPHILINDO

D. MAEPS

**BAHAGIAN B (20 MARKAH)**

**ARAHAN : Jawab dua (2) soalan sahaja. Gunakan buku jawapan yang disediakan.**

**SOALAN 1**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia merupakan dokumen lengkap yang dilindungi menerusi undang-undang mengenai cara interaksi dan tindakan antara badan pentadbir dan rakyat. Walaubagaimanapun, dari masa ke semasa perlembagaan turut berubah mengikut tuntutan semasa menerusi suara rakyat dan diperincikan melalui Dewan Parlimen. Huraian tiga (3) keadaan yang membolehkan Perlembagaan Malaysia dipinda

(10 markah)

**SOALAN 2**

Era globalisasi telah membawa pelbagai kesan yang positif dan juga negatif bagi negara Malaysia. Analisa dua (2) kesan positif dan dua (2) kesan negatif kepada masyarakat negara ini.

(10 markah)

UniKL MIIT

**SOALAN 3**

Menerusi Kepimpinan Dato Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia, konsep 1Malaysia diperkenalkan dan sehingga kini diguna pakai. Sebagai rakyat Malaysia yang peka yang keperluan semasa rakyat dan cintakan negara, anda diminta mencadangkan tiga (3) bentuk perlaksanaan dasar yang boleh dijadikan penambahbaikan konsep 1Malaysia di masa akan datang. Cadangan ini harus digambarkan dengan nama perlaksanaan dasar, objektif dan cara perlasanaannya.

(10 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**